



Langkah kerajaan mewujudkan Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dalam Daftar Kanak-Kanak (eDKK) yang membolehkan mana-mana individu dan organisasi yang menguruskan kanak-kanak menyemak rekod jenayah seksual pekerja atau bakal pekerja mulai 1 April dilihat sebagai satu inisiatif penting bagi menangani masalah jenayah seksual membabitkan kanak-kanak di negara kita.

Justeru, semua pihak yang terbabit dalam proses pengurusan dan pengendalian kanak-kanak wajar mengambil peluang ini bagi memastikan tidak berlaku lagi sebarang insiden yang tidak diingini umpama harapan pegar, pegar makan padi.

Dengan adanya sistem ini, pihak berkaitan termasuk ibu bapa yang ingin mengambil pengasuh atau pemilik taman asuhan kanak-kanak (taska) yang ingin mengambil pekerja boleh membuat semakan melalui sistem itu bagi memastikan individu yang diambil bebas rekod jenayah terhadap kanak-kanak.

Secara ringkasnya, melalui semakan menggunakan nombor kad pengenalan individu yang dirujuk, pemohon dapat mengetahui keputusan yang akan menunjukkan sama ada individu berkenaan 'ada rekod' atau 'tiada rekod'. Sistem ini dilihat cukup signifikan kerana selama ini sudah terlalu banyak kes jenayah terutamanya jenayah seksual terhadap kanak-kanak di negara kita dilaporkan membabitkan sama ada pengasuh yang diambil oleh ibu bapa atau pengasuh di taska.


Ada yang didera secara seksual termasuklah ada yang meninggal dunia. Antara puncanya ialah kita tidak dapat mengenal pasti latar belakang dan sejarah lampau individu yang menguruskan kanak-kanak ini.

Selama ini semuanya dibuat atas dasar kepercayaan semata-mata di mana akhirnya ada yang meragut kepercayaan itu.

Penulis yakin ibu bapalah golongan yang paling lega dengan pengenalan sistem ini. Ia kerana kes-kes yang dilaporkan sebelum ini telah mengakibatkan sebilangan besar ibu bapa cukup trauma, risau dan bimbang untuk menghantar anak mereka ke taska. Kebanyakannya terpaksa menghantar juga ke taska dengan hati yang berat walaupun tidak mengenali dengan rapat pengasuh dan pekerja mereka kerana tiada pilihan lain memandangkan kedua-dua suami dan isteri perlu bekerja.

Jadi, dengan adanya sistem ini ibu bapa boleh meminta taska mengemukakan rekod dan keputusan semakan terhadap latar belakang pengasuh, ahli keluarga pengasuh dan juga

Ke arah tempat asuhan lebih selamat



pekerja mereka.

Pada masa sama, sistem ini juga diyakini mampu membantu pihak pengasuh taska terutamanya untuk tujuan menapis latar belakang pekerja mereka seterusnya memberikan keyakinan kepada ibu bapa agar menggunakan perkhidmatan taska mereka.

Justeru, kewujudan sistem ini sepatutnya dilihat memberikan nilai tambah kepada pengasuh taska sendiri untuk menarik lebih ramai pelanggan atau ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke taska masing-masing. Pengasuh taska tidak boleh anggap ini sebagai satu bebanan atau birokrasi tambahan kerana pada akhirnya mereka yang memperoleh kelebihan sebenarnya.

Ini ditambah pula proses semakan juga telah dipermudahkan di mana perkhidmatan semakan boleh dibuat di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri atau daerah dengan hanya mengemukakan kad pengenalan untuk pendaftaran permohonan semakan tanpa dikenakan sebarang bayaran.

Dalam konteks ini, kita juga berharap dengan adanya sistem ini pihak kerajaan sudah boleh mewajibkan semua permohonan pembukaan taska baharu supaya menjalankan proses semakan terhadap pekerja sebelum diberi kelulusan untuk memulakan operasi.

Malah, lebih ideal jika semua

taska sedia ada juga diwajibkan untuk membuat semakan dan menyimpan rekod semakan itu supaya tidak timbul sebarang insiden tidak diingini berlaku. Untuk sampai ke tahap itu, kita harap sistem ini dapat dimantapkan lagi dari semasa ke semasa supaya lebih komprehensif serta dilakukan usaha berterusan untuk memperketatkan lagi undang-undang yang ada.

Pada masa sama, walaupun kita sudah ada sistem yang bagus seperti ini, ibu bapa dan pihak berkaitan tetap perlu berhati-hati supaya jenayah seksual terhadap kanak-kanak dapat ditangani secara menyeluruh.

Misalnya, walaupun sistem berkenaan boleh dijadikan rujukan, namun ibu bapa atau pihak berkaitan perlu sentiasa berwaspada terhadap individu yang diambil bekerja. Hal ini kerana walaupun seseorang itu tiada rekod, namun tidak semestinya dia tidak akan melakukannya kerana statistik menunjukkan kebanyakan pesalah terdiri daripada mereka yang pertama kali melakukan jenayah seksual kanak-kanak.

Semoga inisiatif baharu ini memberikan sinar harapan kepada kita semua supaya dapat mengurangkan atau mengekang terus sebarang perlakuan jenayah terhadap kanak-kanak di negara kita secara keseluruhannya.

Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

